



PERUTUSAN PENERUSI

(MESYUARAT JKTNg Bil. 2/2012 PADA 23 FEBRUARI 2012)

1. MAKLUMAN PERTUKARAN KETUA JABATAN

- [a] Pengarah Penerangan Negeri Pahang, **Tuan Haji Mohd Sabri bin Abdullah** mula bertugas pada 2 Februari 2012 menggantikan **Y.H. Dato' Hajjah Hasnah binti Haji Hassan** yang telah bersara wajib.

2. AMALAN POSITIF BAGI MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

- [a] Bagi meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan, sukacita saya mengutarakan beberapa amalan positif yang perlu dihayati oleh kita semua, pada mesyuarat kali ini saya ingin menarik perhatian semua Ahli Mesyuarat mengenai empat ***tips do's and dont's*** .

- a. **Memahami Bahawa Masalah Peribadi Adalah Urusan Peribadi** dan tidak terlalu memikirkan masalah peribadi. *Tips* ini adalah bagi membolehkan tumpuan dan perhatian yang jitu terhadap tugas rasmi yang diamanahkan. Dengan menkensampingkan masalah peribadi, kita semua dapat merasai

keharmonian dan menikmati keseronokan bekerja dengan semua pihak.

- b. **Mencipta Inovasi dan Pembaharuan Dalam Pelaksanaan Tugas Harian** dan tidak melaksanakan tugas – tugas rutin dengan cara yang sama saban hari. Semua pihak digalakkan supaya sentiasa menjana semangat serta keazaman melalui inovasi dan pembaharuan dalam proses kerja bagi mengelakkan kebosanan dalam melaksanakan tugas. Dalam konteks ini, setiap tindakan dan usaha perlulah disulami dengan inisiatif pembelajaran berterusan, memantapkan diri sendiri dalam menangani cabaran untuk memberikan yang terbaik dalam perkhidmatan.
- c. **Mengamalkan Ciri – Ciri Harga Diri Yang Positif** dalam diri dengan tujuan membina kekuatan dalaman. Demi untuk menyahut cabaran yang mendatang, kita perlu **melazimkan kehidupan dengan slogan positif atau kata – kata hikmah seperti ‘*I’m the best*’; ‘*I can do it*’; atau ‘setiap kata pasti dikota’**. Impak kepada pelaziman tersebut membolehkan segala masalah diatasi; merangsangkan jiwa dan fikiran; membuka aura positif kepada minda dan seterusnya membantu fizikal menjadi sentiasa bersemangat untuk menjalankan tugas seharian.

d. **Menerapkan Amalan Terbaik Dalam Kehidupan** yang berkeupayaan mengembangkan kerjaya melalui pemupukan berterusan. Antaranya ialah dengan berusaha **mengubah nasib diri** kerana hanya kita yang mampu mengubah nasib kita sendiri seperti mana Firman Allah dalam **Surah Ar-Rad: Ayat 11** yang bermaksud **“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa – apa yang ada pada diri mereka”**.

[b] Saya berharap ahli-ahli mesyuarat dapat mengambil maklum intipati nilai dan amalan positif yang saya utarakan ini dan seterusnya dijadikan amalan diperingkat jabatan masing-masing.

3. AMANAT STAKEHOLDERS KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

[a] Amanat YAB Perdana Menteri

a. Saya ingin menarik perhatian ahli-ahli mesyuarat mengenai ucapan YAB Perdana Menteri di Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pada 13 Februari 2012.

- b. YAB Perdana Menteri menekankan perlunya perkhidmatan yang diberikan oleh penjawat awam sampai kepada rakyat dengan berkesan dan kepada kumpulan sasar yang ditetapkan. Setiap projek yang dilaksanakan mestilah dipastikan kelancaran pelaksanaannya. Isu-isu yang bersifat '*cross-cutting*' perlu diadakan satu mekanisme bagi mencari penyelesaian secara '*problem solving*' dengan berkesan bukan lagi secara konvensional yang hasilnya kurang memuaskan. Anggota perkhidmatan awam tidak perlu mengekalkan sesuatu semata-mata kerana itu adalah amalan biasa. Kita hendaklah mencari idea-idea baru yang kreatif dan inovatif dan tidak bersikap '*defensive*' dan '*denial*'.

[b] Amanat YBhg. Ketua Setiausaha Negara

- a. Saya ingin menarik perhatian ahli-ahli mesyuarat mengenai ucapan YBhg. Ketua Setiausaha Negara dalam Mesyuarat Ketua Jabatan Persekutuan Bilangan 1 Tahun 2012 yang diadakan pada 30 Januari 2012 yang lalu.
- b. YBhg. KSN dalam mesyuarat tersebut telah mencadangkan supaya diadakan '*engagement*' bukan sahaja di kalangan Kerajaan, malah yang paling utama ialah '*engagement*' dengan semua

'*stakeholders*' demi memastikan semua pihak mendapat faedah daripada sesuatu perkara yang akan dilaksanakan.

- c. Ketua-ketua jabatan hendaklah berfikiran jauh ke hadapan dan sentiasa membuat perancangan awal bagi menghadapi sesuatu kemungkinan. Selain itu, anggota-anggota Perkhidmatan Awam sentiasa proaktif dan cepat melaksanakan sesuatu keputusan Kerajaan serta tidak dibelenggu dengan keperluan pekeliling atau surat-surat arahan. Jika sesuatu pekeliling atau arahan yang boleh melewati pelaksanaan, ia hendaklah dikaji semula dan dipinda.
- d. Di samping itu, jabatan-jabatan tidak memohon pertambahan perjawatan baru atau tambahan peruntukan, sebaliknya menggunakan pendekatan inovatif seperti '*Blue Ocean Strategy*' bagi membolehkan pertambahan tugas dilaksanakan dengan cekap tanpa pertambahan sumber.

[c] Sehubungan itu, saya berharap semua Ketua Jabatan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya terhadap amanat YAB Perdana Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Negara ini.

4. PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN 2009 (PGK 2009)

[a] Saya ingin memaklumkan berkenaan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa *Delivery Task Force –Low Income Household* Bil 1/2012 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri yang diadakan pada 12 Januari 2012. Jawatankuasa tersebut memutuskan mulai 21 Februari 2012 pengukuran bagi menentukan miskin tegar dan miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan 2009 (PGK 2009). Sebelum tarikh tersebut, pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan adalah berdasarkan PGK 2007. Untuk makluman ahli mesyuarat, berdasarkan PGK 2007, miskin tegar ditakrifkan apabila pendapatan berkapita RM100 sebulan dan ke bawah tanpa mengambil kira bandar atau luar bandar. Manakala miskin pendapatan berkapita isi rumah RM160 (dan ke bawah) sebulan bagi luar bandar dan RM185 (dan ke bawah) bagi bandar. Dengan penguatkuasaan PGK 2009, isi rumah ditakrif miskin tegar apabila pendapatan berkapita sebanyak RM120 sebulan (dan ke bawah) bagi kawasan bandar dan RM110 sebulan (dan ke bawah) bagi kawasan luar bandar. Manakala miskin apabila pendapatan berkapita RM200 sebulan (dan ke bawah) bagi bandar dan RM170 (dan ke bawah) sebulan bagi bandar.

[b] Selaras dengan penguatkuasaan PGK 2009 ini, saya ingin memaklumkan bahawa berlaku pertambahan jumlah miskin tegar bagi seluruh Negeri Pahang iaitu sebanyak 451 KIR. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut;

Bil	Daerah	Jumlah Miskin Tegar
1	Kuantan	98
2	Bentong	17
3	Pekan	86
4	Rompin	42
5	Jerantut	50
6	Bera	9
7	Maran	23
8	Lipis	31
9	Raub	53
10	Temerloh	42
11	Cameron Highlands	0
	JUMLAH	451

[c] Sehubungan dengan ini, saya meminta supaya semua Pengerusi *Focus Group* Daerah dapat bersedia menghadapi pertambahan dalam bilangan KIR miskin tegar serta menggerakkan jentera di daerah masing-masing bagi memastikan senarai miskin tegar ini dapat disifarkan disamping meningkatkan usaha-usaha

pemutihan dan penyelarasan bantuan bersama-sama agensi.

5. LAPORAN STATISTIK ADUAN LEBIH 10 HARI MENGIKUT BILANGAN HARI BAGI JANUARI 2011 HINGGA DISEMBER 2011

[a] Saya ingin memaklumkan berkenaan bilangan aduan awam yang diterima oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bagi tempoh Januari 2011 hingga Disember 2011. Jumlah keseluruhan aduan yang diterima ialah sebanyak 266 aduan dan daripada jumlah tersebut 91 aduan dijawab **melebihi 10 hari** yang melibatkan 21 jabatan/ agensi dengan 3 jabatan yang tertinggi menjawab aduan melebihi 10 hari adalah seperti berikut;

- i. Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) - 18 aduan
- ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang - 14 aduan
- iii. Majlis Perbandaran Temerloh - 12 aduan

[b] Saya meminta semua Ketua Jabatan mengambil perhatian terhadap aduan yang diterima dan menjawab dengan sebaiknya dalam masa 7 hari bekerja. Kelewatan menjawab aduan awam ini akan menjejaskan imej jabatan/ agensi. Sehubungan itu, semua jabatan hendaklah memastikan tiada lagi aduan yang lewat dijawab bagi tahun 2012 ini.

6. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN JANUARI 2012

- [a] Saya ingin memaklumkan berkenaan Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Januari 2012 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari adalah 99.95% manakala 0.05% dibayar melebihi 14 hari.
- [b] Jabatan berkenaan di mana bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari ialah;
- a. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang – 1 bil
 - b. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan – 2 bil